

**DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN
KIMARAGANG DI SABAH
(1967-2013)**

MANUAL DAMILAN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2018

**DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN
KIMARAGANG DI SABAH
(1967-2013)**

MANUAL DAMILAN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG DI SABAH
(1967-2013)

IJAZAH : SARJANA (SEJARAH)

Saya MANUAL DAMILAN, sesi 2016-2018, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




MANUAL DAMILAN

Disahkan Oleh,
NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng)
Penyelia UTAMA

Tarikh: 27 OGOS 2018




(Dr. Maureen De Silva)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 OGOS 2018



Manual Damilan
MA1611036T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MANUAL DAMILAN**

NO. MATRIK : **MA1611036T**

TAJUK : **DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN
KIMARAGANG DI SABAH (1967-2013)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **15 OGOS 2018**



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Maureen De Silva

Tandatangan

PENGHARGAAN

Terima kasih buat keluarga khususnya kedua-dua ibu bapa iaitu En. Damilan Lejaun dan Pn. Raining Paluah yang memberikan ruang dan sokongan kepada saya sehingga mampu menyelesaikan segala kesulitan semasa melaksanakan kajian ini. Saya percaya walaupun tidak disuarakan, doa kalian berdua sentiasa mendokong saya. Terima kasih juga untuk adik dan kakak yang juga turut memberikan sokongan serta dorongan disamping bantuan kewangan semasa saya memerlukan. Sesungguhnya tiada yang mampu membalas segala yang telah kalian kongsi. Namun saya hanya mampu berdoa untuk kesejahteraan dan kejayaan kita semua di masa depan.

Tidak juga lupa sekalung penghargaan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Dr. Maureen De Silva dan Prof Madya Dr. Lai Yew Meng. Dengan dorongan, bimbingan, cadangan, serta motivasi maka segala kelemahan saya dapat diatasi sehingga mampu menyelesaikan tesis ini. Secara peribadi, Dr. Maureen bukan sahaja sebagai penyelia tetapi juga sebagai kakak yang banyak memberikan motivasi dan semangat untuk menyelesaikan tesis ini. Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah Program Sejarah iaitu Baszley Bee Basrah Bee, Prof Madya Dr. Bilcher Bala, En. Zainuddin Baco, Dr. Mosli Tarsat, En. Eko Prayitno Joko, En. Mohd. Shauki Mohd. Radzi, Prof Madya Dr. Abdul Rahman Tang, Prof Madya Dr. Mat Zin, Dr. Mohd. Shafie Abdul Rahim dan semua barisan pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan kerana banyak memberikan cadangan idea dan sudi memberikan peluang dalam pelbagai projek kajian sebagai peningkatan kemahiran penyelidikan.

Tidak lupa juga kepada Unit Pengajian Arkeologi Borneo yang diterajui oleh En. Baszley Bee Basrah Bee dan Prof. Madya Dr. Bilcher Bala kerana telah membantu dalam melengkapkan syarat bergraduasi iaitu menerbitkan artikel saya dalam jurnal atas talian pertama unit tersebut. Terima kasih juga atas pengalaman menyertai kajian di bawah unit tersebut. Buat rakan-rakan seperjuangan, Any Farina Manzes, Alexzander Ginli, Jaswin Jelinus, Nordiana Nasuha dan Nurul Mardhiah Ahmad Lotfee, terima kasih juga kerana membuatkan saya tidak merasa keseorangan dalam mengharungi perjuangan ini. Saya doakan agar kita semua menemui kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan ini. Buat senior khususnya Aping Sajok dan Amy Azuan Abdullah, terima kasih juga kerana sering mengongsikan pengalaman dan bimbingan dalam mengharungi liku-liku sebagai pelajar. Diharapkan kalian juga terus suksess di masa akan datang.

Akhir sekali, terima kasih buat seluruh masyarakat Dusun Kimaragang khususnya para responden saya yang banyak membantu dari segi data kajian. Semoga kajian ini bermanfaat kepada kita di masa akan datang. Tidak lupa juga kepada Pejabat Daerah kota Marudu, Majlis Daerah Kota Marudu, dan Arkib Negeri Sabah kerana memberikan kemudahan dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian dan mendapatkan data. Kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya dalam menyelesaikan kajian ini juga saya ucapkan jutaan terima kasih. Walaupun nama anda tidak saya sebut namun berkat saya percaya sentiasa akan bersama anda. Sekian.

ABSTRAK

Kajian dinamika politik masyarakat Dusun Kimaragang ini memberi fokus kepada persoalan sejauh mana gelombang sentimen dan keputusan politik masyarakat tersebut berubah berdasarkan kepada dinamika politik serta isu politik terpilih sepanjang tahun 1967 sehingga tahun 2013. Perbincangan kajian berkisar tentang bagaimana dinamika serta isu politik bertindak sebagai pengerak kepada hala tuju sokongan politik masyarakat Dusun Kimaragang terhadap calon semasa pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tandek secara kronologi bermula daripada era pentadbiran United Sabah National Organisation (USNO) sehinggalah ke era United Malay National Organisation-Barisan Nasional (UMNO-BN). Perbincangan juga melihat pembabitan secara sepintas lalu masyarakat ini dalam pergerakan berasaskan politik seperti dalam parti politik, sukarelawan politik, dan sebagainya. Turut diketengahkan secara ringkas dalam kajian ini adalah berkenaan faktor kegagalan calon daripada masyarakat Dusun Kimaragang menduduki kerusi DUN Tandek selepas tahun 1999 sehingga tahun 2013. Kajian ini menggunakan data daripada sumber primer seperti laporan *hansard* DUN Sabah dan Parlimen Malaysia, surat khabar, laporan berkaitan Daerah Kota Marudu serta sumber sekunder. Pelaksanaan kaedah temubual dengan individu daripada pelbagai latar belakang, seperti mantan ahli parlimen, mantan ahli DUN, mantan kakitangan kerajaan, penduduk biasa dan juga golongan muda. Kajian mendapati gelombang sentimen serta keputusan politik masyarakat Dusun Kimaragang di sepanjang tempoh masa kajian dipengaruhi oleh beberapa dinamika dan isu politik lokal yang cenderung mencorakkan sokongan mereka kepada calon-calon dan/atau parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya yang terbabit. Di antara dinamika-dinamika politik yang menonjol adalah seperti primordialisme atau sentimen etno-agama, tadbir-urus, sosio-ekonomi, politik pembangunan dan parokialisme. Manakala, isu-isu politik lokal yang terlibat termasuklah isu pengislaman penduduk tempatan, pentadbiran autokratik dan salah guna kuasa, isu Labuan dan sebagainya.

ABSTRACT

POLITICAL DYNAMIC OF DUSUN KIMARAGANG COMMUNITY IN SABAH 1967-2013

The study of political dynamics of the Dusun Kimaragang community focuses on the question of the extent to which the sentiments and political decisions of the society change based on political dynamics as well as selected political issues throughout the year 1967 until 2013. The discussion revolves around how the political dynamics and political issues acted as drivers of the Dusun Kimaragang community's political support to candidates during the elections in TandeK state constituency in chronological order from the era of the USNO administration to the UMNO-BN era. Discussions also look into the community's recent involvement in political-based movements such as political parties, political volunteers, and so forth. Also presented briefly in this study are the factors of failure of candidates from the Dusun Kimaragang community of Dusun Kimaragang to occupy the TandeK state seat after 1999 until 2013. This study uses data from primary sources such as the Sabah State Assembly's hansard report and those of the Parliament of Malaysia, newspaper and official report related to Kota Marudu as well as secondary sources. The conduct of elite interviews were with individuals from various backgrounds, such as former Member of Parliments, former State Legislative Assembly members, former government employees, ordinary citizens and young people. The study found that popular groundswell/sentiments and political decisions of the Dusun Kimaragang community during the period of the study were influenced by particular dynamics and local political issues which tended to shape their support for candidates and / or political parties competing in various elections. Among the prominent political dynamics were primordialism or ethno-religious sentiment, governance, socio-economic, political development and parochialism. Meanwhile, local political issues included the issue of Islamisation of local residents, autocratic administration and abuse of power, the Labuan issues and so on.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Kaedah Kajian	15
1.8 Pembahagian Bab	17
1.9 Kesimpulan	19
BAB 2 : LATAR BELAKANG MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Masyarakat Dusun Kimaragang dalam Rumpun Dusunik	20
2.2.1 Asal Usul Masyarakat Dusun Kimaragang Dan Mitos Nunuk Ragang	23
2.3 Landskap Sosial Masyarakat Dusun Kimaragang	27
2.3.1 Agama Dan Kepercayaan Tradisional Masyarakat Dusun Kimaragang	28
2.4 Kegiatan Ekonomi Masyarakat Dusun Kimaragang	31
2.5 Kegiatan Politik	33
2.5.1 Kedudukan Masyarakat Dusun Kimaragang Dalam Kawasan Parlimen Kota Marudu	33

2.5.2	Kedudukan Masyarakat Dusun Kimaragang Dalam Kawasan DUN Tandek	34
2.5.3	Budaya Politik	36
2.5.4	Budaya Politik Tradisional Masyarakat Dusun Kimaragang	41
2.5.5	Kebangkitan Semangat Etno-Nasionalisme	42
2.5.6	Hubungan Masyarakat Dusun Kimaragang dengan Masyarakat Dusunik Yang Lain	45
2.7	Kesimpulan	48
BAB 3	: DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG ERA <i>UNITED SABAH NATIONAL ORGANISATION (USNO)</i>: (1967-1976)	50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Dinamika Politik	51
3.3	Latar Belakang Pembentukan Landskap Politik Sabah	51
3.4	Kemunculan USNO Sebagai Kuasa Politik di Negeri Sabah	55
3.4.1	Penglibatan Masyarakat Dusun Kimaragang Dalam Politik Era USNO	56
3.4.2	Landskap Politik DUN Tandek	58
i.	Pilihanraya DUN 1967	58
ii.	Pilihanraya DUN 1971	62
iii.	Pilihanraya DUN 1976	64
3.4.3	Landskap Politik Kawasan Parlimen Bandau	69
3.4.4	Dinamika Politik Era USNO	71
3.5	Kesimpulan	80
BAB 4	: DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG ERA PARTI BERSATU RAKYAT JELATA SABAH (BERJAYA): (1976-1985)	81
4.1	Pengenalan	81
4.2	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA, 1976-1985)	82
4.2.1	Penglibatan Politik Masyarakat Dusun Kimaragang Era BERJAYA	88
4.2.2	DUN Tandek: Isu Politik dan Keputusan Pilihanraya	89
i.	Pilihanraya DUN 1981	95
ii.	Pilihanraya Kecil DUN Tandek 1982	96

4.2.3	Parlimen Bandau (Kota Marudu)	98
4.2.4	Dinamika Politik Era BERJAYA	98
4.3	Perbandingan Corak Pentadbiran USNO dan BERJAYA	107
4.4	Kesimpulan	108
BAB 5	: DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG ERA PARTI BERSATU SABAH (PBS): (1985-1994)	110
5.1	Pengenalan	110
5.2	Landskap Politik Sabah dan Pengenalan Kepada PBS	111
5.3	Penglibatan Masyarakat Dusun Kimaragang Era PBS	117
5.3.1	DUN Tandek: Isu Politik Semasa Pilihanraya DUN 1985-1994 dan kesan Kepada Pilihanraya.	118
i	Pilihanraya DUN Tandek 1985	124
ii	Pilihanraya DUN Tandek 1986	126
iii	Pilihanraya DUN Tandek 1990	128
iv	Pilihanraya DUN Tandek 1994	130
5.3.2	Parlimen Kota Marudu	131
5.3.3	Dinamika Politik Masyarakat Dusun Kimaragang Dalam Pilihanraya DUN 1985-1994	133
5.4	Perbandingan PBS dengan Pentadbiran Sebelumnya	144
5.5	Kesimpulan	145
BAB 6	: DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG ERA UMNO-BN (1994-2013)	147
6.1	Pengenalan	147
6.2	Pengenalan Kepada UMNO	148
6.3	Kedatangan UMNO Sebagai Sebuah Kuasa Politik Baharu di Sabah	152
6.4	Penglibatan Politik Masyarakat Dusun Kimaragang Era UMNO	154
6.4.1	Parlimen Kota Marudu	156
6.4.2	DUN Tandek: Isu dan Keputusan Pilihanraya DUN Tandek	157
i.	Pilihanraya DUN Sabah 1999	162
ii.	Pilihanraya DUN Sabah 2004	164
iii.	Pilihanraya DUN Sabah 2008	167

iv.	Pilihanraya DUN Sabah 2013	172
6.4.3	Dinamika Politik Era UMNO-BN	177
6.5	Penurunan Penglibatan Politik Masyarakat Dusun Kimaragang	180
6.6	Kesimpulan	183
BAB 7	: RUMUSAN	184
RUJUKAN		196
LAMPIRAN		207



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Senarai dan Kategori Informan Kajian	17
Jadual 3.1 : Senarai Calon Bertanding Pada Pilihanraya DUN Tandek Tahun 1967-1976	68
Jadual 3.2 : Senarai Calon Bertanding Bagi Pilihanraya Parlimen Bandau 1969-1974	71
Jadual 4.1 : Projek Kerajaan BERJAYA pada tahun 1976 di Kawasan Bandau	91
Jadual 4.2 : Projek Kerajaan BERJAYA pada tahun 1977 di Kawasan Bandau	91
Jadual 4.3 : Projek Kerajaan BERJAYA pada tahun 1978 di Kawasan Bandau	92
Jadual 4.4 : Projek Kerajaan BERJAYA pada tahun 1979 di Kawasan Bandau	92
Jadual 4.5 : Projek Kerajaan BERJAYA pada tahun 1980 di Kawasan Bandau	93
Jadual 4.6 : Senarai Calon Bertanding Dalam Pilihanraya DUN Tandek 1976-1983	97
Jadual 4.7 : Senarai Calon Bertanding Dalam Pilihanraya Parlimen Bandau 1978-1982	98
Jadual 4.8 : Jumlah Peruntukan Tahunan Kerajaan BERJAYA-BN kepada Daerah Bandau 1976-1983	100
Jadual 5.1 : Senarai Calon Bertanding Dalam Pilihanraya Parlimen di Kota Marudu 1986-1990	142
Jadual 5.2 : Senarai Calon Bertanding Pada Pilihanraya DUN di DUN Tandek 1985-1990	143
Jadual 6.1 : Senarai Blogger Lokal Kota Marudu	155
Jadual 6.2 : Calon Bertanding Pada Pilihanraya Parlimen Kota Marudu 1995-2013	157
Jadual 6.3 : Pembangunan Insfrastruktur di DUN Tandek bagi Tahun 1998 hingga 2009	161



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1	: Pergerakan Masyarakat Dusun Daripada Nunuk Ragang ke Kawasan Baharu	26
Rajah 2.2	: Kedudukan Etnik Dusun Kimaragang di Sabah	26
Rajah 2.3	: Kedudukan DUN Matonggong, DUN Langkon dan DUN Tandek sebelum pemansuhan DUN Langkon.	35
Rajah 2.4	: Kedudukan DUN Matonggong dan DUN Tandek Selepas Pemansuhan DUN Langkon.	35



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ADUN	- Ahli Dewan Undangan Negeri
AGABA	- Angkatan Gaya Baru
AKAR	- Angkatan Keadilan Rakyat
BERAS	- Parti Bersatu Rakyat Sabah
BERJAYA	- Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BN	- Barisan Nasional
DUN	- Dewan Undangan Negeri
JKKK	- Jawatankuasa Kesejahteraan Dan Kemajuan Kampung
LIGS	- Lembaga Industri Getah Sabah
LTGS	- Lembaga Tabung Getah Sabah
PASOK	- United Pasok-Momogun Kadazandusun Murut Organisation
PBS	- Parti Bersatu Sabah
PCS	- Protestan di Sabah
PDS	- Parti Demokratik Sabah
PEKEMAS	- Parti Keadilan Masyarakat
PKR	- Parti Keadilan Rakyat
SBBUB	- Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SCA	- Sabah Chinese Association
SEDAR	- Sabah Democratic Rakyat Party
SIB	- Sidang Injil Borneo
SPR	- Suruhanjaya Pilihan Raya
UMNO	- United Malay National Organisation
UNKO	- United National Kadazan Organisation
UPKO	- United Pasok Momogun Kadazan Organisation
USNO	- United Sabah National Organisation
USIA	- United Sabah Islamic Association
USDA	- United Sabah Dusun Association
ROS	- Registrar of Society
PRS	- Parti Rakyat Sabah

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Gambar-Gambar Informan	211
Lampiran B : Senarai Informan Kajian dan Kredibiliti Sebagai Orang Sumber dalam Kajian	217
Lampiran C : Penggiat Politik Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Kimaragang Sekitar Tahun 1960-an	219
Lampiran D : Senarai Ahli DUN Tandek 1967-2013	220
Lampiran E : Senarai Kampung dan Bilangan Masyarakat Dusun Kimaragang pada tahun 2017	224



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengumuman pembentukan Malaysia telah merangsang penubuhan parti politik di Sabah pada tahun 1961. Rentetan daripada itu, telah muncul beberapa parti politik yang ternyata memberikan persepsi yang berbeza antara satu-sama lain berkenaan pembentukan Malaysia. Antara parti tersebut adalah *United National Kadazan Organisation* (UNKO) dan seterusnya *United Sabah National Organisation* (USNO) dan beberapa parti lain juga seperti Pasok, *Sabah Chinese Association* (SCA) dan *Sabah Indian Congres* (SIC). Pembentukan Malaysia dan kemunculan parti-parti politik ini telah mendedahkan masyarakat Sabah kepada suatu halaman baharu khususnya dalam bidang politik. Senario tersebut menjadi platform terbaik untuk Sabah memulakan langkah politik berskala besar berbanding sebelumnya yang hanya berskala kecil iaitu lebih kepada persatuan-persatuan berbentuk sosio-ekonomi yang terhad di tempat-tempat tertentu sahaja. Kecenderungan masyarakat Sabah untuk menyokong parti berasaskan kepada status primordialisme satu parti itu menyebabkan politik di Sabah dilihat sebagai aktiviti politik yang dipandu oleh sentimen etno-agama.

Senario ini dapat dilihat khususnya pada tahun 1960-an di mana Bumiputera Islam kebanyakannya menyertai USNO manakala Bumiputera bukan Islam kebanyakannya menyertai UNKO. Senario ini seterusnya juga telah menyebabkan masyarakat Dusun Kimaragang turut bangkit dan tidak mahu ketinggalan dalam perjuangan politik di Sabah. Rentetan itu, muncullah tokoh-tokoh politik masyarakat Dusun Kimaragang seperti Supu Santiku, Hj. Abdul Jamal Ponggoron @ Jamari Ponggoron dan sebagainya.

Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada sebuah etnik yang mendiami kawasan Kota Marudu di Sabah iaitu masyarakat Dusun Kimaragang. Sejak merdeka lagi,

penglibatan mereka dalam politik boleh dikesan sejak tahun 1967 dan dilihat berterusan sehinggalah Pilihanraya Umum yang ke 13 iaitu pada tahun 2013. Sungguhpun begitu, sebagai salah satu etnik minoriti di Sabah, penulisan tentang mereka tidak banyak diketengahkan dan hanya diselitkan dalam perbincangan atau dalam konteks yang lebih besar tanpa memfokuskan kepada etnik itu sendiri. Disebabkan masyarakat Dusun Kimaragang ini berperanan penting dalam politik di Kota Marudu khususnya dan Sabah amnya, maka penulisan ini diharap dapat memenuhi kelengkapan yang wujud dalam penulisan ilmiah tentang sub etnik Dusun ini dalam konteks penglibatan politik.

1.2 Permasalahan Kajian

Sejarah penglibatan masyarakat Dusun Kimaragang dalam politik Sabah telah bermula seawal sebelum pembentukan Malaysia. Hal ini dapat dilihat dalam pembabitan Hj. Abdul Jamal Ponggoron dan juga Supu Santiku yang bertarung sesama sendiri dalam pungutan suara bagi memilih wakil-wakil ke kuasa tempatan (Majlis Daerah).¹ Selepas Sabah membentuk kerajaannya sendiri, penglibatan masyarakat Dusun Kimaragang dalam politik pilihanraya di Sabah telah diteruskan khususnya di kawasan DUN Tandek iaitu kawasan petempatan majoriti masyarakat tersebut. Walaupun dalam setiap siri pilihanraya DUN Sabah 1967-2013 terdapat calon atau pemimpin daripada masyarakat Dusun Kimaragang yang bertanding, namun masyarakat Dusun Kimaragang tidak semestinya akan mengundi calon yang berasal daripada masyarakat Dusun Kimaragang. Trend ini dapat dilihat dalam pilihanraya DUN Sabah tahun 1967 di mana calon UPKO iaitu Herman Luping² telah menewaskan calon masyarakat Dusun Kimaragang yang mewakili USNO iaitu Madina Unggut. Begitu juga halnya dalam pilihanraya DUN Sabah tahun 1981 yang

¹ Haji Abdul Jamal Ponggoron adalah pemimpin masyarakat Dusun Kimaragang yang pro Malaysia kerana beliau menyertai UPKO yang juga pro-Malaysia pada masa itu. Supu Santiku juga adalah pemimpin masyarakat Dusun Kimaragang namun menentang Malaysia kerana menyertai Pasok-Momogun yang tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia. Keputusan pungutan suara tersebut memihak kepada Haji Abdul Jamal Ponggoron dan beliau seterusnya dilantik sebagai ketua masyarakat atau *Native Chief*. Suruhanjaya Cobbold yang pada masa itu membuat tinjauan tentang sambutan penduduk Sabah terhadap idea pembentukan Malaysia telah mengambil keputusan pungutan Suara antara Hj. Abdul Jamal Ponggoron dengan Supu Santiku sebagai tanda masyarakat Sabah khususnya masyarakat Dusun Kimaragang bersetuju Sabah sama-sama membentuk Malaysia. Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya.

² Pemimpin dalam Parti UPKO yang berasal daripada Penampang, Sabah.

menyaksikan kemenangan berpihak kepada calon bukan Kimaragang iaitu Dason Gaban yang telah menewaskan calon masyarakat Dusun Kimaragang iaitu Zulkifli Majun @ Maralang Majun dan Masingkan Masampun.

Senario ini seterusnya berkekalan bermula pada pilihanraya DUN 1999 sehingga pilihanraya Umum tahun 2013 di mana calon masyarakat Dusun Kimaragang yang bertanding dalam setiap siri pilihanraya tersebut tidak dipilih oleh masyarakat Dusun Kimaragang. Fenomena ini menunjukkan bahawa persamaan etnik tidak semestinya menjamin seseorang calon akan dipilih oleh etniknya sendiri, tetapi sebaliknya menunjukkan bahawa dinamika penglibatan politik masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu adalah lebih kompleks. Pernyataan kompleks yang dimaksudkan adalah keadaan di mana dinamika yang mempengaruhi penolakan atau penerimaan masyarakat Dusun Kimaragang terhadap satu parti atau calon adalah berbeza ataupun kadang-kala sama.

Dalam menjawab permasalahan ini, terdapat tiga persoalan yang dikaji iaitu pertama, apakah dan bagaimanakah dinamika politik mempengaruhi gelombang sentimen dan keputusan politik masyarakat Dusun Kimaragang dalam siri-siri pilihanraya dari tahun 1967 hingga tahun 2013? Persoalan kedua, bagaimanakah isu-isu politik yang wujud telah mempengaruhi gelombang sentimen dan keputusan politik masyarakat Dusun Kimaragang? Dan persoalan terakhir adalah bagaimanakah penglibatan masyarakat Dusun Kimaragang dalam politik selain daripada politik pilihan raya?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini menyenaraikan tiga objektif untuk dicapai. Pertama, mengidentifikasi dinamika politik yang mempengaruhi gelombang sentimen dan pilihan politik masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu. Seterusnya menghuraikan isu politik yang mempengaruhi keputusan politik masyarakat Dusun Kimaragang untuk terlibat dalam politik di peringkat daerah dan negeri.

Objektif yang terakhir dalam kajian ini adalah untuk meneliti secara ringkas penglibatan masyarakat Dusun Kimaragang dalam politik selain daripada penglibatan

mereka dalam politik pilihanraya bermula tahun 1967 sehingga tahun 2013. Dalam hal ini, pembabitan masyarakat Dusun Kimaragang dalam aktiviti kepartian juga akan diteliti secara kronologi bermula pada pentadbiran USNO, BERJAYA, PBS hingga UMNO/BN.

1.4 Sorotan Literatur

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan masyarakat Dusun Kimaragang dalam politik di Sabah. Beberapa penulis telah meneliti tentang masyarakat Dusun Kimaragang ini. Antara mereka adalah seperti Paul Kroeger, Herman Luping, Arnold Puyok, dan Jacqueline dan Low Kok On. Luping (2009)³, Kroeger (2005)⁴ serta Jacqueline dan Low Kok On (2003) menyatakan bahawa masyarakat Kimaragang ini terdapat di daerah Kota Marudu dan Pitas di utara Sabah. Arnold Puyok (2014) telah menyebut bahawa Masyarakat Dusun Kimaragang adalah subetnik Kadazandusun yang terbesar di Kota Marudu.⁵ Dalam hal ini, Kroeger (2005) juga menambah bahawa masyarakat Dusun Kimaragang secara majoritinya terdapat di kawasan Tandek berbanding di Daerah Pitas.

Tandek adalah salah satu pekan kecil di Kota Marudu yang terletak 13 km dari Pekan Kota Marudu. Jacqueline dan Low Kok On⁶ dalam artikel mereka juga menambah bahawa masyarakat Dusun Kimaragang menggunakan istilah "Kimaragang" untuk merujuk masyarakat mereka selepas melalui suatu peristiwa. Sebelum nama "Kimaragang" itu wujud, telah terjadi bencana alam, iaitu kemarau yang panjang sehingga mengakibatkan kemusnahan pada tanaman dan ternakan masyarakat Dusun pada ketika itu. Mereka akhirnya terpaksa memanjat pokok untuk mengambil daun untuk dijadikan sebagai makanan. Mereka yang memanjat pokok

³ Herman J. Luping, *Indigenous Ethnic Communities of Sabah*; The Kadazandusun, Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communication and Culture Malaysia. 2009.

⁴ Kroeger Paul, Kimaragang, Dalam: Sander Adelaar & Nikolaus Hammelmann, eds., *The Austronesian Languages of Asia and Madagascar*, London & New York: Routledge, 2005, hlm. 397-428.

⁵ Arnold Puyok, Kota Marudu and Keningau, Sabah: Personality, Patronage, and Parochial Politic, Dalam; Meredith L. Weiss, *Electoral Dynamic in Malaysia Findings from the Grassroots*, Malaysia: Strategic Information and Research Development Centre, 2014, hlm. 185.

⁶ Low Kok On & Jacqueline Pugh-Kitingan, The Impact of Christianity on Traditional Agricultural Practice and Beliefs Among the Kimaragang of Sabah, *Asian Ethnology*, **Vol. 74**, No.2 2015, (401-424).

tersebut apabila dilihat dari jauh kelihatan seperti warna kemerah-merahan. Sejak peristiwa itu, masyarakat tersebut dinamakan sebagai "aragang" yang bermaksud merah.⁷

Terdapat beberapa jenis dinamika politik antaranya adalah seperti primordialisme (etno-agama), urus tadbir, sosioekonomi, dan personaliti calon. Dalam hal ini, Shafie Nor (1981)⁸ menyatakan penubuhan parti politik awal di Sabah adalah untuk mempertahankan ciri-ciri perkauman berlandaskan keturunan dan agama. Hal ini menurut Hamdan *et.al* (2014)⁹ adalah kerana agama sebagai salah satu alat politik. Puyok *et.al* (2011)¹⁰ pula mengulas bahawa politik masyarakat Kadazandusun di Sabah dibentuk melalui sekurang-kurangnya tiga faktor iaitu identiti etnik, penyatuan budaya dan institusi kepimpinan *Huguan Siou*. Ho Hui Ling (2003)¹¹ juga memberikan reaksi kepada pernyataan tersebut dengan menyatakan kemunculan UNKO yang cenderung kepada Bumiputera Bukan Islam menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat bumiputera Islam seterusnya menubuhkan USNO. Hal ini kerana UNKO dipimpin oleh Donald Stephen yang pada masa itu beragama Kristian. Junaidi *et.al*. (2014)¹² dalam kajian pilihanraya di Kuala Lumpur menyatakan perkauman dan kewilayahan menjadi faktor utama dalam penentuan sokongan terhadap parti-parti yang bertanding. Mohd Fuad Mat Jali *et.al* (2005)¹³ pula menyatakan bahawa faktor etnik dan kawasan sebagai faktor yang mempengaruhi pemilihan parti politik di Malaysia, secara amnya.

⁷ Rujuk dalam Bab yang kedua untuk maklumat lanjut.

⁸ Shafie Nor, *Muslihat Politik Ghanie Gilong*, 1981.

⁹ Hamdan Hj Adnan & Mahat Jamal, Pilihanraya Umum di Sabah: Faktor-faktor Penentuan Kemenangan di Sabah, *Jurnal Komunikasi Borneo* **Vol.1** 2014, hlm. 63.

¹⁰ Arnold Puyok & Tony Paridi Bagang, Ethnicity, Culture and Indigenous Leadership in Modern Politic: The Case in Kadazandusun in Sabah, East Malaysia, *Kajian Malaysia*, **Vol. 19**, 177-197, 2011, hlm. 178.

¹¹ Ho Hui Ling, Gagasan Malaysia : Satu Kajian Mengenai Peranannya Terhadap Perkembangan Parti Politik di Sabah, *Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Nasion Malaysia*, 2003,

¹² Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali, Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamika Pilihanraya Umum Kuala Lumpur 1955-2013, *Malaysia Journal of Society and Space*, **Vol. 10**, 2014, (83-98), hlm. 91.

¹³ Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman & Zaini Othman, Pungutan Pendapat Awam Prapilihanraya Umum 1999: Satu Kajian Kes di Kedah, Dalam: Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Bin Musa, *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Dalam aspek dinamika urus tadbir pula, Junaidi Awang Besar *et.al.* (2014), menyatakan bahawa parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti keadilan, ketelusan, anti rasuah dan hak asasi juga mampu mempengaruhi gelombang sentimen dan keputusan pengundi khususnya terhadap subjek kajiannya iaitu Orang Ulu di Sarawak.¹⁴ Pernyataan ini sependapat dengan Wan Mohd. Mahyiddin (1974)¹⁵ yang mengulas parti boleh segar dan kukuh kalau pimpinannya baik. Hal ini menjelaskan bahawa tadbir-urus yang baik juga mampu mempengaruhi gelombang sentimen dan keputusan politik pengundi. Selain itu, dalam aspek dinamika sosio-ekonomi, Mohd. Fuad Mat Jali (2014)¹⁶ mendedahkan kajiannya di DUN Manek Urai bahawa janji pembangunan daripada UMNO telah menyebabkan majoriti undi calon PAS jatuh menjunam daripada 1,352 undi pada 2008 kepada hanya 65 undi pada pilihanraya kecil di DUN Manek Urai tersebut. Selain itu, Mohd Ali Kamaruddin *et.al* (2005)¹⁷ menyatakan budaya politik masyarakat Melayu telah berubah ekoran daripada faktor ekonomi yang membezakan antara kaum Melayu dengan bukan Melayu khususnya masyarakat Cina. Walau bagaimanapun, Ramanathan (1986)¹⁸ menyatakan strategi politik ekonomi BERJAYA pada tahun 1985 tidak mampu menghalang kekalahan parti itu kepada PBS. Dalam hal ini, sebelum pilihanraya DUN Sabah 1985, BERJAYA telah mengumumkan pemberian dividen berjumlah RM 50 kepada semua pemegang saham Amanah Rakyat Sabah yang terdiri daripada rakyat Sabah sendiri. Dalam aspek dinamika personaliti calon, Mohd Fuad Mat Jali *et.al.* (2012) menghujahkan bahawa personaliti calon juga berpotensi dalam mempengaruhi gelombang sentimen dan keputusan politik. Beliau

¹⁴ Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Mohd Azlan Abdullah, Politik Pilihanraya dan Partisipasi Politik Orang Ulu di Sarawak, *Malaysia Journal of Society and Space* **Vol. 10**, No. 5, (135 - 147), 2014, hlm. 143.

¹⁵ Wan Mohd. Mahyiddin, *Panduan Politik; Untuk Keutuhan Parti dan Kesejahteraan Rakyat*, Kuala Lumpur: Pustaka ATMA. 1974,

¹⁶ Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar, Pembangunan dan Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan, *Malaysian Journal of Society and Space*, 7, Special Issue: Social And Spatial Challenges of Malaysian Developments (29-39), 2011, hlm. 35.

¹⁷ Mohd Ali Kamaruddin & Jamaie Haji Hamil, Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi kepada Kontemporari, Dalam: Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Bin Musa, *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005,

¹⁸ K. Ramanathan Kalimuthu, The Sabah State Election of April 1985, *Asian Survey*, **Vol. 26**, No. 7 815-837. 1986, Hlm. 820.

mendedahkan bahawa 70.8 peratus pengundi di kawasan kajian mereka lebih cenderung memilih calon yang jujur, amanah, berjiwa rakyat serta bersih dari rasuah.¹⁹ Abdul Halim Sidek (2010) juga menyokong pernyataan Mohd. Fuad dan menambah bahawa pengundi Cina mementingkan calon yang berpendidikan tinggi untuk menjadi wakil mereka.²⁰

Secara ringkasnya, penulisan-penulisan terdahulu berkaitan dengan dinamika politik yang mempengaruhi satu-satu etnik atau kaum itu hanya memfokuskan kepada beberapa etnik minoriti di Malaysia. Sebahagian isu yang diketengahkan sebenarnya juga mempengaruhi masyarakat Dusun Kimaragang seterusnya membentuk gelombang sentimen dan keputusan politik mereka di DUN Tandek. Walau bagaimanapun, penulisan secara langsung yang membincangkan masyarakat Dusun Kimaragang dalam konteks isu-isu semasa pilihanraya tidak disentuh secara khusus.

Perbincangan berkaitan dengan penglibatan masyarakat Kimaragang dalam politik Sabah pastinya turut melibatkan juga sejarah politik Sabah itu sendiri bermula daripada pembentukan Malaysia, penubuhan parti politik, dan juga isu-isu politik yang telah berlaku di Sabah. Margaret Roff (1969)²¹ menghujahkan bahawa pertumbuhan politik di Sabah yang sebelumnya perlahan telah mula mengalami perubahan positif selepas Tunku Abdul Rahman mengumumkan idea penggabungan wilayah politik antara Malaya, Singapura dan wilayah di Borneo. R. S. Milne (1965)²² pula menghujahkan bahawa parti politik khususnya di Sabah belum wujud sehingga bulan Mei tahun 1961. Kewujudan parti politik di Sabah hanya bermula pada hujung

¹⁹ Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar, Persepsi Politik dan Kepimpinan di Kawasan Parlimen (P152) Keluang, Johor, *Malaysia Journal of Society and Space* Vol. 8, No. 3, (23 - 32), 2012, hlm. 27.

²⁰ Abdul Halim Sidek, *et.al*, Penolakan Sentimen Etnik Dalam Politik Semasa Malaysia: Kes PilihanrayaKecil 2009 Bukit Selambau, Kedah, *Malaysian Journal of Society and Space* 6 issue 3 (46 - 56), 2010, hlm. 53.

²¹ Margaret Roff, The Rise and Demise of Kadazan Nationalism, *Journal of Southeast Asian History*, **Vol. 10**, No. 2, 1969, hlm. 333.

²² R. S. Milne, Political Parties in Sarawak and Sabah, *Journal of Southeast Asian History*, **Vol. 6**, No. 2, *Modern Malaysia*, 104-117, 1965, hlm. 109.